

Bil. S 32

PERINTAH KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA, 2006
(S 9/06)

PERATURAN-PERATURAN
KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (RUMAH TAHANAN), 2010

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Tanggungjawab penguasa.
4. Rekod hendaklah disimpan.
5. Penguasa hendaklah melaporkan orang yang ditahan yang telah mati, cedera atau dimasukkan ke hospital.
6. Barang-barang kepunyaan sendiri orang yang ditahan.
7. Pemeriksaan perubatan.
8. Penyediaan katil, pakaian dan barang lain.
9. Makanan.
10. Ajaran agama dan kemudahan untuk menunaikan ibadah.
11. Pendidikan berterusan.
12. Kerja harian.
13. Rekreasi.
14. Menulis dan menerima surat.
15. Lawatan.
16. Sakit tenat.
17. Orang-orang yang ditahan hendaklah mematuhi perintah yang sah.

18. Tatatertib yang baik.
 19. Perintah penguasa.
 20. Hukuman kerana tiada tatatertib.
 21. Hukuman dera.
 22. Larangan bentuk-bentuk hukuman dera yang tidak dibenarkan.
-

PERINTAH KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA, 2006
(S 9/06)

PERATURAN-PERATURAN
KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (RUMAH TAHANAN), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 102(h) dari Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006, maka Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak dan Orang Muda (Rumah Tahanan), 2010 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"lembaga", berkenaan dengan sesebuah rumah tahanan, bermakna lembaga pelawat yang dilantik di bawah bab 75(1) berkaitan dengan rumah tahanan itu;

"penguasa" bermakna penguasa yang menjaga sesebuah rumah tahanan.

Tanggungjawab penguasa.

3. (1) Penguasa hendaklah bertanggungjawab kepada Pengarah bagi pengurusan yang sempurna rumah tahanan di bawah jagaannya dan bagi penerimaan dan penjagaan orang-orang yang ditahan di dalamnya.

(2) Tertakluk kepada kebenaran Pengarah, penguasa hendaklah menentukan dan menyediakan —

(a) tugas-tugas setiap ahli kakitangan rumah tahanan di bawah jagaannya;

(b) rutin harian bagi orang-orang yang ditahan dalam rumah tahanan di bawah jagaannya;

(c) langkah-langkah keselamatan kebakaran dan arahan latihan kebakaran; dan

(d) perkara-perkara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah untuk ditentukan dan disediakan.

Rekod hendaklah disimpan.

4. (1) Penguasa hendaklah menyebabkan supaya disimpan rekod-rekod yang berikut —

(a) daftar masuk ke dan keluar dari rumah tahanan;

(b) buku harta yang akan merekodkan butir-butir sebarang harta yang diambil daripada seseorang yang ditahan apabila atau selepas orang itu masuk dan keterangan ringkas bagaimana harta itu dilupuskan setelah orang itu keluar;

(c) buku tatatertib yang akan merekodkan butir-butir setiap tindakan tatatertib yang diambil terhadap mana-mana orang yang ditahan;

(d) daftar harian kehadiran atau ketidakhadiran setiap orang yang ditahan di dalamnya;

(e) buku log yang akan mencatatkan setiap kejadian penting yang ada hubungannya dengan pengurusan rumah tahanan;

(f) buku lembaga pelawat yang akan mencatatkan nama-nama ahli lembaga dan mereka boleh membuat ulasan di dalamnya berhubung dengan rumah tahanan; dan

(g) rekod lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Pengarah untuk disimpan.

(2) Rekod-rekod yang disimpan di bawah peraturan kecil (1) hendaklah —

(a) tersedia ada pada bila-bila masa untuk diperiksa oleh mana-mana ahli lembaga; dan

(b) dikemukakan kepada lembaga dalam mana-mana mesyuaratnya jika lembaga menghendaknya.

Penguasa hendaklah melaporkan orang yang ditahan yang telah mati, cedera atau dimasukkan ke hospital.

5. (1) Jika seseorang yang ditahan mati atau cedera teruk, penguasa hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, melaporkan kematian atau kecederaan teruk itu kepada polis, Pengarah, lembaga dan ibu bapa atau penjaga orang yang ditahan itu.

(2) Jika menjadi perlu bagi seseorang yang ditahan untuk dimasukkan ke sebuah hospital bagi rawatan perubatan, penguasa hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu Pengarah dan ibu bapa atau penjaga orang yang ditahan itu.

(3) Penguasa hendaklah memastikan bahawa rawatan pembedahan tidak akan dijalankan ke atas seseorang yang ditahan tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada ibu bapa atau penjaganya, melainkan jika pegawai perubatan memperakui secara bertulis bahawa kelambatan dalam mendapatkan persetujuan yang diperlukan itu akan menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya kepada orang yang ditahan itu atau mendatangkan bahaya kepada kesihatannya.

Barang-barang kepunyaan sendiri orang yang ditahan.

6. (1) Barang-barang kepunyaan sendiri seseorang yang ditahan hendaklah, apabila orang itu dimasukkan ke sesebuah rumah tahanan, diambil daripadanya oleh penguasa, dan, tertakluk kepada peraturan kecil (2), barang-barang kepunyaan sendiri itu hendaklah dipulangkan kepadanya hanya apabila dia keluar dari rumah tahanan itu.

(2) Jika apa-apa barang antara barang-barang kepunyaan sendiri seseorang yang ditahan pada masa orang itu dimasukkan ke rumah tahanan itu adalah dari jenis yang cepat rosak atau berbahaya, penguasa hendaklah menyebabkan supaya barang tersebut dimusnahkan.

(3) Penguasa hendaklah menyebabkan supaya butir-butir semua barang kepunyaan sendiri yang diambil daripada orang yang ditahan itu direkodkan dalam buku harta apabila orang itu dimasukkan ke rumah tahanan itu.

Pemeriksaan perubatan.

7. Setiap orang yang ditahan hendaklah apabila orang itu dimasukkan ke sesebuah rumah tahanan diperiksa oleh seseorang pegawai perubatan.

Penyediaan katil, pakaian dan barang lain.

8. Setiap orang yang ditahan hendaklah disediakan dengan sebuah katil berasingan, seperlengkapan pakaiannya sendiri dan barang lain kepunyaan sendiri yang mungkin diperlukan selama orang itu tinggal di dalam rumah tahanan tersebut.

Makanan.

9. Setiap orang yang ditahan hendaklah dibekalkan dengan makanan yang disediakan atas sokongan seorang pakar diet dan dibenarkan oleh Pengarah.

Ajaran ugama dan kemudahan untuk menunaikan ibadah.

10. Ajaran ugama dan kemudahan untuk menunaikan ibadah hendaklah disediakan bagi semua kanak-kanak yang beragama Islam.

Pendidikan berterusan.

11. Seseorang yang ditahan hendaklah diberi kemudahan, setakat mana yang boleh, untuk meneruskan pendidikannya.

Kerja harian.

12. Seseorang yang ditahan boleh dikehendaki untuk melaksanakan kerja harian yang termasuk mengemas katil, membersihkan bilik asrama atau kerja yang seumpamanya di dalam atau di sekitar bangunan atau kawasan rumah tahanan.

Rekreasi.

13. Rekreasi dan senaman hendaklah disediakan pada setiap hari bagi orang-orang yang ditahan.

Menulis dan menerima surat.

14. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (2), seseorang yang ditahan boleh menghantar dan menerima surat.

(2) Tiada surat boleh dihantar atau diterima oleh seseorang yang ditahan melainkan jika kandungannya telah ditapis oleh penguasa atau seseorang pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Lawatan.

15. Seseorang yang ditahan hendaklah dibenarkan untuk menerima pelawat-pelawat pada selang waktu yang munasabah sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh penguasa.

Sakit tenat.

16. Jika, pada pendapat penguasa atau mana-mana pegawai perubatan, adalah perlu untuk merujuk seseorang yang ditahan ke sebuah hospital, penguasa hendaklah mengatur untuk merujuk orang yang ditahan itu ke hospital tersebut.

Orang-orang yang ditahan hendaklah mematuhi perintah yang sah.

17. Setiap orang yang ditahan hendaklah mematuhi perintah yang sah daripada kakitangan.

Tatatertib yang baik.

18. Setiap ahli kakitangan di dalam sesebuah rumah tahanan hendaklah memperlakukan setiap orang yang ditahan secara adil dan tegas dalam penguatkuasaan tatatertib.

Perintah penguasa.

19. Penguasa hendaklah mengeluarkan perintah bagi tujuan mengurus rumah tahanan.

Hukuman kerana tiada tatatertib.

20. (1) Jika pengenaan hukuman kepada mana-mana orang yang ditahan adalah perlu bagi memelihara tatatertib, penguasa boleh mengenakan mana-mana satu atau lebih dari bentuk-bentuk hukuman yang berikut —

(a) kehilangan rekreasi bagi suatu tempoh yang ditentukan tidak melebihi 3 hari;

(b) perlaksanaan tugas-tugas tambahan di dalam dan di sekitar bangunan atau kawasan rumah tahanan; dan

(c) tertakluk kepada peraturan 21, hukuman dera.

(2) Penguasa hendaklah merekodkan dalam buku tatatertib sebab-sebabnya mengambil keputusan untuk mengenakan hukuman kepada mana-mana orang yang ditahan dan bentuk hukuman yang dikenakan.

Hukuman dera.

21. (1) Penguasa dan kakitangan rumah tahanan hendaklah berusaha untuk menguatkuasakan tatatertib tanpa menggunakan hukuman dera.

(2) Tiada hukuman dera boleh dikenakan kepada seseorang yang ditahan melainkan jika penguasa berpuas hati selepas menjalankan suatu siasatan bahawa orang yang ditahan itu bersalah melakukan salahlaku yang berat dan salahlaku tersebut adalah dari jenis yang membenarkan pengenaan hukuman dera.

(3) Penguasa hendaklah merekodkan dalam buku tatatertib butir-butir dan keterangan mengenai salahlaku yang dikatakan telah dilakukan oleh orang yang ditahan itu, keputusannya mengenai keterangan tersebut, dan alasan keputusannya untuk mengenakan hukuman dera kepada orang yang ditahan itu.

(4) Hukuman dera hendaklah dikenakan hanya atas syarat-syarat yang berikut —

(a) jika hukuman dera hendak dikenakan kepada seorang lelaki yang ditahan —

- (i) ia hendaklah dikenakan oleh penguasa atau seseorang pegawai yang diberi kuasa olehnya;
- (ii) ia hendaklah dikenakan dengan menggunakan rotan ringan;
- (iii) bilangan sebatan yang dikenakan tidak boleh melebihi 8;
- (iv) sebatan boleh dikenakan pada tapak tangan orang yang ditahan itu atau pada punggungnya pada seluar pendek yang biasa dipakainya; dan
- (v) ia tidak boleh dikenakan di hadapan mana-mana orang lain yang ditahan; dan

(b) jika hukuman dera hendak dikenakan kepada seorang perempuan yang ditahan —

- (i) ia hendaklah dikenakan oleh penguasa atau seseorang pegawai perempuan yang diberi kuasa oleh penguasa;
- (ii) ia hendaklah dikenakan dengan menggunakan rotan ringan;

- (iii) bilangan sebatan yang dikenakan tidak boleh melebihi 8;
- (iv) sebatan hendaklah dikenakan pada tapak tangan orang yang ditahan itu sahaja; dan
- (v) ia tidak boleh dikenakan di hadapan mana-mana orang lain yang ditahan.

(5) Hukuman dera tidak boleh dikenakan kepada mana-mana orang yang ditahan yang menghidap apa-apa kecacatan fizikal atau mental.

(6) Dalam sebarang kes di mana hukuman dera dikenakan, penguasa hendaklah —

(a) merekodkan dalam buku tatatertib, sejurus selepas itu, butir-butir hukuman dera sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah; dan

(b) dengan seberapa segera yang boleh selepas itu melaporkan fakta-fakta dan hal keadaan kes itu kepada Pengarah.

Larangan bentuk-bentuk hukuman dera yang tidak dibenarkan.

22. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 21, tiada ahli kakitangan sesebuah rumah tahanan boleh mendedahkan mana-mana orang yang ditahan kepada sebarang bentuk lain hukuman dera.

(2) Bagi maksud peraturan kecil (1), "sebarang bentuk lain hukuman dera" termasuk memukul, menampar, menggoncangkan atau menumbuk residen, atau mendedahkannya kepada sebarang bentuk lain keganasan fizikal.

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 25 haribulan Februari, 2010.

PEHIN ORANG KAYA SETIA PAHLAWAN DATO SERI SETIA
DR. AWANG HAJI AHMAD BIN HAJI JUMAT
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.